PERKEMBANGAN SISTEM PERBANKAN

Sistem perbankan terus mempamerkan daya tahan yang meningkat pada suku keempat, dengan mencatat tahap permodalan yang tinggi, keuntungan yang bertambah baik serta tahap pinjaman tidak berbayar yang paling rendah sejak krisis kewangan Asia.

Tahap permodalan sistem perbankan kekal tinggi

Walaupun mencatat penurunan kecil, nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras (CCR) sistem perbankan kekal tinggi masing-masing pada tahap 13.8% dan 10.8%. Ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan aset berwajaran risiko (+RM12.6 bilion) yang mengatasi kenaikan dalam asas modal (+RM0.5 bilion). Peningkatan dalam asas modal adalah disebabkan terutamanya oleh potongan modal yang lebih rendah bagi pelaburan dalam anak-anak syarikat (-RM1.6 bilion) pasca penggabungan Bafin, sementara kenaikan aset berwajaran risiko adalah disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam pemberian pinjaman.

Kedudukan Modal Kekal Kukuh

	2003		2004			
	S3	S4	S1	S2	S3	S4
Modal						
CCR (%)	10.9	11.1	11.0	11.7	11.4	10.8
RWCR (%)	13.4	13.8	13.7	14.3	13.9	13.8

Keuntungan semakin kukuh berikutan peningkatan dalam pendapatan

Sistem perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM3 bilion pada suku keempat, berbanding dengan RM2.8 bilion pada suku sebelumnya. Peningkatan keuntungan sebelum cukai sebanyak 6.1% didorong terutamanya oleh peningkatan dalam pendapatan pelaburan (+RM414.2 juta), pendapatan faedah bersih (+RM244 juta) dan pendapatan berasaskan fi (+RM177.7 juta). Dengan itu, pulangan tahunan ke atas purata aset dan ekuiti bagi sistem perbankan masing-masing meningkat kepada 1.4% dan 16.5% (S3 2004: 1.3% dan 15.5%).

NPL bertambah baik dengan ketara

Pinjaman tidak berbayar bersih (NPL) berdasarkan klasifikasi 6 bulan terus menurun kepada RM29 bilion, merupakan 5.9% daripada jumlah pinjaman bersih, iaitu tahap paling rendah semenjak krisis Asia (S3 2004: 6.1%). Nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan juga

Sistem perbankan: Pinjaman tidak berbayar



menunjukkan penurunan yang ketara kepada RM37.5 bilion atau 7.6% daripada jumlah pinjaman bersih (S3 2004: 8.1%). Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh pemulihan NPL yang lebih tinggi, pengelasan semula dan hapuskiraan.